



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 JANUARI 2026 (SELASA)

Bukit Tagar 'Rumah Baru' Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	1 & 2	13 Jan

Bukit Tagar 'rumah baharu' babi



- **Operasi pindah ladang ternakan dipercepatkan tahun ini**
- **115 ladang babi di Kuala Langat, Sepang akan ditutup sepenuhnya**

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Kesemua 115 ladang ternakan babi di Kuala Langat dan Sepang, melibatkan 100,000 ekor babi akan ditutup dan dipindahkan ke ladang berpusat moden di Bukit Tagar, Hulu Selangor secara berperingkat.

Operasi pemindahan ternakan babi ke sebuah kawasan la-

dang sawit seluas 202 hektar itu akan disegerakan tahun ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir. Izham Hashim berkata, pihaknya kini dalam proses menyelesaikan isu tanah di lokasi khas baharu itu terutama melibatkan kebenaran merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

»BERSAMBUNG DI MUKA 2

Bukit Tagar 'Rumah Baru' Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	1 & 2	13 Jan

Bukit Tagar 'rumah baharu' babi

DARI MUKA 1

Katanya, selepas itu, pihaknya akan memanggil semua penternak bagi memperincikan syarat ketat dan menentukan jumlah sebenar keseluruhan babi bagi pemindahan tersebut.

"Berdasarkan statistik, terdapat 115 ladang dikenal pasti di Kuala Langat dan Sepang dengan melibatkan 100,000 ternakan babi. Pemindahan itu akan dilakukan secepat mungkin pada tahun ini.

"Perkara itu akan dibincangkan secara terperinci untuk dimuktamadkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Rabu ini," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, langkah itu dibuat selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selain menangani isu pencemaran bau dan air serta wabak demam babi Afrika (ASF).

Justeru, kerajaan negeri tidak lagi membenarkan operasi ladang babi diteruskan walaupun secara sementara di Kuala Langat dan Sepang selain tiada pembaharuan lesen.

"Bukit Tagar dikenal pasti satu-satunya lokasi baharu bagi ternakan itu di Selangor dengan syarat ketat termasuk zon penampungan luas, sistem tertutup dan kaedah zero discharge.

"Lokasi di tanah milik persendirian itu terletak di kawasan jauh dari lokaliti penduduk dan sungai. Semua kos akan dibiayai oleh pihak swasta dan bukannya kerajaan negeri," ujarnya.

Katanya, Selangor tidak pernah menjadi pengeksport babi; sebaliknya pengeluaran sedia ada hanya memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam di negeri ini.

"Sebelum wabak ASF, pengeluaran babi hanya memenuhi kira-kira 60 peratus keperluan negeri dan kini pengeluarannya



KEADAAN parit yang dicemari sisa najis babi di Tanjung Sepat.



IZHAM

berada sekitar 30 peratus.

"Kerajaan negeri akan meneliti semula angka populasi maksi-

mum ternakan bagi memastikan jumlahnya tidak melebihi keperluan sehingga membawa kepada eksport," katanya.

Izham berkata, kerajaan negeri menjunjung kasih titah Sultan Selangor yang tidak berkenan operasi sementara ternakan di Kuala Langat diteruskan.

Terdahulu, Izham menghadap Sultan Sharafuddin di Istana Bukit Kayangan, selama 45 minit bagi menyembah maklum berkaitan isu ternakan babi di Kuala Langat yang tidak diperseutujui baginda.

Sabtu lalu, Sultan Sharafuddin

tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan negeri yang membenarkan operasi ternakan babi di Tanjung Sepat sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar.

Baginda menzahirkan kebimbangan berikutan Kuala Langat didiami ramai penduduk Melayu dan masalah ternakan babi di kawasan itu masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak 2010.

Justeru, Sultan Sharafuddin turut mengusulkan kepada wakil-wakil rakyat menetap bersebelahan kawasan ternakan babi seperti di Kuala Langat bagi menempuh sendiri pengalaman

sebenar seperti dialami penduduk.

Kosmo! semalam pula melaporkan, isu ternakan babi yang menghantui penduduk sekitar Tanjung Sepat sudah berlarutan sejak sekian lama, namun tidakwa kembali aktif dua bulan lalu selepas berakhirnya jangkitan demam babi Afrika.

Penduduk mendakwa, aktiviti itu menyebabkan mereka terpaksa menghidu bau busuk selain najis dilepaskan terus ke laut, menyebabkan parit dan aliran air yang menjadi laluan utama najis bertukar menjadi hitam.

Pastikan alam sekitar, sumber air tidak terjejas – NGO

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Cadangan pembinaan ladang ternakan babi seluas 202 hektar di Bukit Tagar, Hulu Selangor perlu dilaksanakan dengan jaminan bahawa alam sekitar serta sumber air utama tidak akan terjejas.

Presiden Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (Grass

Malaysia) Mohd. Yusaimi Md. Yusof berkata, projek itu dikatakan akan dilaksanakan di lokasi yang jauh dari penempatan penduduk.

"Kita dimaklumkan projek ini akan dibuat di kawasan yang tiada penduduk, namun masalahnya kawasan Bukit Tagar itu juga terdiri daripada hutan simpan selain estet persendirian.

"Kalau melibatkan hutan simpan, proses pewartaan perlu dibuat. Apabila sudah warta, kawasan mana pula hendak digantikan sebagai hutan," katanya kepada Kosmo!.

Menurutnya, kebimbangan utama pihaknya juga jika ladang itu dibina berhampiran Lembangan Sungai Selangor yang menjadi pembekal air utama kepada

jutaan penduduk di Lembah Klang.

Justeru, pihaknya tidak mahu isu pencemaran seperti terjadi di Sungai Langat 'berjangkit' di sungai berhampiran bagi lokasi pembinaan ladang itu.

Katanya, pengalaman lampau melibatkan ladang ayam di Hulu Selangor membuktikan pelepasan kumbahan tanpa

pemantauan ketat boleh menyebabkan pencemaran serius tanpa dapat dikesan awal.

"Apabila kumbahan dilepaskan ke sungai, bukti akan hilang, bila Jabatan Alam Sekitar (JAS) datang, pencemaran sudah mengalir pergi.

"Sebab itu pemantauan dan sistem rawatan mesti ketat dari awal lagi," katanya.

Kurung Kucing dalam Sangkar dipenuhi Najis, Pemilik diberi Tempoh Seminggu			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Artikel	Dalam Talian	12 Jan



Laporan Sinar Harian mengenai pengabaian kucing yang didedahkan oleh sebuah NGO di akaun Threads.

SEREMBAN -Pemilik kucing di Seremban 2 yang didakwa mengurung haiwan peliharaannya dalam sangkar dipenuhi najis serta gagal menyediakan makanan dan minuman bersih diberikan tempoh seminggu oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) untuk melakukan penambahbaikan.

Pengarahnya, Dr Nurul Ain Ahmad berkata, sekiranya gagal berbuat demikian, pemilik boleh didakwa di mahkamah di bawah Akta

Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh didenda minimum RM10,000 dan maksimum RM50,000.

Menurutnya, pihak jabatan telah pun menjalankan pemeriksaan ke atas rumah pemilik susulan aduan diterima dan mendapati keadaan sangkar kucing serta persekitaran rumah adalah tidak bersih dan tidak sesuai untuk haiwan terbabit dijaga.

"Berikutan itu, pemilik telah pun diberikan notis untuk

menyediakan persekitaran dan kemudahan yang lebih sesuai untuk menempatkan kucing-kucingnya.

jabatannya,"
SINARHARIAN

katanya.-

"Pihak jabatan akan ke rumah pemilik semula bagi tujuan pemantauan dan jika tiada penambahbaikan dilakukan selepas seminggu, tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas pemilik," katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.

Malah katanya, kesemua kucing tersebut boleh diberi milik kepada individu yang mampu menjaga haiwan itu sekiranya pemilik gagal mematuhi notis terbabit.

Jelasnya, empat kucing pemilik telah pun diselamatkan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta telah dihantar menerima rawatan di Klinik Veterinar Putra Nilai.

"Ketika siasatan dilakukan, kesemua kucing tersebut berada dalam keadaan baik dijaga penyelamat.

"Orang awam dinasihatkan untuk menghubungi pihak jabatan melalui talian jabatan sebelum mengambil tindakan terhadap aduan pengabaian atau penganiayaan haiwan peliharaan daripada pemilik atau rumah bagi memudahkan tindakan penguatkuasaan pihak

Tiada Alasan Ternak Babi Kerana Kepentingan Industri, Ekonomi – Al-Hafizi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	12 Jan



Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kuala Langat, Al-Hafizi Abu Bakar

KUALA LANGAT – Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kuala Langat menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menzahirkan kebimbangan serius terhadap isu penternakan babi di sekitar Tanjong Sepat di sini.

Ketuanya, Al-Hafizi Abu Bakar berkata, aktiviti penternakan babi di Kampung Tumbuk, Tanjong Sepat di sini menjejaskan kualiti hidup, kesihatan awam dan kelestarian alam sekitar sejak sekian lama.

“Masalah bau melampau, pencemaran sungai, pembiakan lalat dan risiko penyakit masih berlarutan, sekali gus mencerminkan kegagalan kawal selia dan penguatkuasaan.

“Keadaan ini tidak boleh terus ditoleransi atas alasan kepentingan industri atau ekonomi,” katanya menerusi satu kenyataan kepada MalaysiaGazette semalam.

Semalam, Sultan Selangor menzahirkan rasa dukacita serta tidak bersetuju dengan

perancangan operasi penternakan babi di sekitar Kampung Tumbuk, Tanjong Sepat, di sini dijadualkan bermula tahun ini sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Baginda bertitah, projek penternakan babi berskala besar adalah tidak wajar, tidak sensitif dan tidak seimbang dengan realiti demografi serta keharmonian masyarakat di Selangor yang majoritinya dalam kalangan orang Melayu Islam.

Selaras dengan titah Seri Paduka itu, Al-Hafizi menegaskan, kesejahteraan rakyat tidak boleh dikorbankan dan pihaknya menuntut pembetulan dasar dengan kadar segera dan berasaskan bukti.

“Semua peluasan dan kelulusan ladang baharu mesti dihentikan serta-merta manakala kawasan sedia ada perlu dipindah atau distrukturkan ke zon khas yang jauh daripada penempatan, sekolah, masjid dan sumber air,” katanya.

Selain itu, katanya, semua ladang wajib menggunakan sistem tertutup sepenuhnya, rawatan sisa berteknologi tinggi serta kawalan bau dan efluen zero-discharge.

“Operasi ladang yang gagal mematuhi piawaian ini wajar

ditutup,” katanya.

Beliau juga menggesa kerajaan menubuhkan pasukan pemantauan bersepadu melibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan wakil komuniti.

“Kerajaan perlu mewajibkan audit alam sekitar secara berkala serta tindakan undang-undang tanpa kompromi terhadap sebarang pelanggaran syarat,” katanya.

Katanya lagi, pembangunan yang merosakkan alam dan menindas komuniti tempatan adalah tidak beretika dan tidak mampan.

“Kerajaan negeri mesti bertindak tegas selari dengan titah Tuanku demi memulihkan maruah, kesihatan dan keharmonian rakyat Kuala Langat.

“Pemuda UMNO Kuala Langat menegaskan kepentingan awam mengatasi kepentingan industri. Kerajaan negeri harus segera mengambil tindakan serius bagi memastikan kesejahteraan penduduk terjamin,” katanya lagi. – [MALAYSIAGAZETTE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR